

09 APRIL 2018

## Polis rampas bakakuk, syabu di Kinabatangan

### Polis rampas bakakuk, syabu di Kinabatangan

**KINABATANGAN** – Polis merampas tiga laras senapang buatan sendiri atau bakakuk dan 50.94 gram syabu selepas menahan dua lelaki di sini kelmarin.

Ketua Polis Daerah Kinabatangan, Superintendant A. Sahak Rahmat berkata, dua lelaki yang ditahan itu berusia 28 dan 39 tahun.

Katanya, senjata api buatan sendiri

dan syabu tersebut dirampas selepas polis memeriksa rumah yang didiami seorang daripada lelaki itu di Kampung Buang Sayang di sini pada pukul 2.20 petang.

“Hasil pemeriksaan di dalam rumah tersebut menjumpai satu bungkus plastik mengandungi syabu yang disembunyikan di atas siling bilik tidur,” katanya dalam kenyataan semalam.

Menurutnya, pemeriksaan lanjut yang dibuat ke atas plastik tersebut menjumpai tujuh peket plastik lutsinar besar mengandungi 62 plastik kecil mengandungi syabu.

“Pemeriksaan lanjut menjumpai tiga laras senapang buatan sendiri dan 34 butir peluru hidup yang disembunyikan di atas bumbung rumah tersebut,” katanya. – Bernama